



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TUTORIAL BLENDED LEARNING



Anjuran Pusat Persediaan Sains dan Teknologi

01

Nota Editor

Megawati M.Y (Penulis)

Ramziahrazanah (Penyunting)



TUTORIAL BLENDED LEARNING

Tutorial penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) telah diadakan pada 22 Mei 2019 di Makmal Bahasa, bangunan Annexe, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST). Tutorial penggunaan BBM tersebut telah disertai oleh kakitangan akademik PPST. BBM yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu kamera litar, *Headset* dan juga *Electronic Pad* merupakan alat yang dihadiahkan oleh Pusat E-Pembelajaran Universiti Malaysia Sabah kepada PPST. Penggunaan BBM tersebut memerlukan pengguna memasang perisian *Screen Castify* sebelum memulakan rakaman video pengajaran.

Kakitangan akademik PPST yang menghadiri tutorial BBM tersebut juga telah diberikan taklimat berkaitan dengan pertandingan *blended learning* kakitangan akademik PPST (PBL-KAP) 2019 yang bakal berlangsung sepanjang semester 1 sesi 2019/2020. Tujuan pertandingan ini dijalankan di kalangan ahli akademik adalah untuk menambah baik kualiti *blended learning* di peringkat PPST yang mana secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kualiti pelaksanaan *blended learning* di peringkat universiti. Selain itu, kemahiran dan pengetahuan kakitangan akademik PPST juga dapat dipertingkatkan.

Menurut penyelaras Unit *Blended Learning* PPST, Cik Elnetthra Folly, PPST akan terus peka dengan perubahan pembelajaran global dan akan beradaptasi dengan perubahan semasa seiring dengan kaedah pembelajaran bersepadu peringkat antarabangsa.

Anjuran Pusat Persediaan Sains dan Teknologi

02

Nota Editor

Megawati M.Y (Penulis)

Ramziahrazanah (Penyunting)